

SOALAN NO. 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN (KELANA JAYA)**

**TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Wong Chen ( Kelana Jaya ) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menyenaraikan kesemua syarikat–syarikat berhad yang mempunyai kontrak Kerajaan tetapi tidak mempunyai wakil golongan wanita sebanyak 30% di dalam lembaga pengarah mereka.

10

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011. Dasar tersebut diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita yang kompeten untuk diketengahkan di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dan seterusnya membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan syarikat yang akan dianugerahkan kontrak Kerajaan adalah bergantung pada penilaian yang dilaksanakan mengambil kira tawaran yang terbaik serta keupayaan syarikat dari segi kapasiti dan kewangan dan tidak tertumpu pada komposisi jantina sesebuah syarikat.

Berdasarkan semakan Kementerian Kewangan mendapati bahawa 25 buah syarikat Berhad (yang tersenarai di Bursa Malaysia) mendapat kontrak dalam pelbagai kategori perolehan bekalan / perkhidmatan kerja.

Berdasarkan jumlah tersebut , terdapat 4 syarikat atau 16% mempunyai wakil golongan wanita sebanyak 30% di dalam lembaga pengarah mereka. Di samping itu, sejumlah 16 syarikat atau 64% mempunyai sekurang-kurangnya seorang wanita dilantik sebagai lembaga pengarah syarikat manakala hanya 5 syarikat atau 20% tidak mempunyai seorang pun ahli lembaga pengarah wanita.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada Julai 2017 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan "*name and shame*" syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies, PLCs*) di Bursa Malaysia yang tidak mempunyai seorang pun ahli lembaga pengarah syarikat wanita pada tahun 2018.